

Malaysia perlu tarik konsensus global usir Israel daripada PBB

Penting sekali usaha Malaysia memainkan peranan menggerakkan negara Islam, terutama anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), supaya bersatu menyokong tindakan ini

• Pandangan ini bukan ekstrem sebaliknya selaras dengan duluan Perhimpunan Agung PBB mengeluarkan Afrika Selatan daripada PBB selama 50 tahun susulan kekejaman berlaku di sana



Oleh Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh
bhrencana@bh.com.my

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sidang Kemuncak Luar Biasa Arab dan Islam di Riyadh pada 11 November lalu mencerminkan keberanian dan ketegasan Malaysia mempertahankan hak asasi rakyat Palestin.

Anwar menegaskan 'Israel tidak lagi layak berada dalam komuniti negara beradab dan kekejamannya menuntut tindakan tegas bagi melindungi bukan sahaja Asia Barat bahkan ketertiban global keseluruhannya'.

Beliau menyeru kepada masyarakat antarabangsa untuk membina

konsensus bagi mengenakan tindakan embargo, menggantung atau mengeluarkan Israel daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana Israel melampaui batas, kewarasan dan kemanusiaan.

Israel kini turut menyerang nadi utama bantuan komuniti antarabangsa kepada Palestin dengan menghalang operasi Agensi Bantuan dan Kerja PBB untuk Pelarian Palestin (UNRWA) pada 28 Oktober lalu, sekali gus menyebabkan keruntuhan terhadap tindak balas kemanusiaan global.

Tegas Anwar, 'Kita mesti menghentikan pembunuhan sia-sia ini dan mengambil langkah segera untuk menyediakan perlindungan lebih berkesan kepada UNRWA. Kita mesti memberikan perlindungan lebih baik kepada pasukan pengaman PBB di Lubnan yang terdiri daripada hampir 50 negara, termasuk Malaysia diserang tentera Israel'.

Pendirian ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap keadilan dan keamanan sejagat, selain mencerminkan keberanian kepimpinan Malaysia di pentas antarabangsa.

Pandangan ini bukan ekstrem sebaliknya selaras dengan duluan Perhimpunan Agung PBB mengeluarkan Afrika Selatan daripada PBB selama 50 tahun susulan kekejaman berlaku di sana.

Seperti ditegaskan Anwar, 'Demi kepentingan bukan sahaja rakyat Palestin, tetapi kemanusiaan secara keseluruhan, kita mesti menghukum dan mencegah pelanggaran berulang kali Israel terhadap undang-undang dan norma antarabangsa. Jejak kekejaman Israel merebak ke Lubnan, Yaman, Syria, Iraq dan Iran. Jika tiada tindakan diambil sekarang, ia akan menyalakan api boleh membakar seluruh rantau ini dan seluruh dunia'.

Walaupun begitu, usaha untuk menggantung atau mengusir Israel daripada PBB bukan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan sokongan kukuh daripada

negara anggota PBB.

Atas sebab itu, penting sekali usaha Malaysia memainkan peranan menggerakkan negara Islam, terutama anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), supaya bersatu menyokong tindakan ini. Kerjasama dengan negara prihatin terhadap hak asasi manusia amat penting untuk mendapatkan sokongan antarabangsa lebih luas.

Membangunkan konsensus untuk menggantung atau mengeluarkan Israel daripada PBB memberikan impak besar terhadap imej Malaysia di persada antarabangsa.

Malaysia akan dilihat sebagai negara tegas dan berani memperjuangkan keadilan, bukan hanya untuk rakyat Palestin, tetapi untuk seluruh dunia mendukung nilai kemanusiaan.

Pendirian Malaysia ini akan memperkukuh kedudukan negara sebagai pejuang hak asasi manusia dan keamanan global. Dari sudut diplomatik, Malaysia dibimbangi akan menghadapi tekanan daripada negara pro-Israel, tetapi sehingga kini ini tidak berlaku.

Walaupun Anwar mengkritik negara Barat pada sidang media bersama Canselor Jerman Olaf Scholz di Berlin pada 11 Mac lalu, Malaysia tidak terkesan malah mendapat sokongan banyak pihak.



Malaysia mendesak komuniti antarabangsa supaya menyingkirkan Israel daripada PBB kerana rejim Zionis itu berterusan melakukan pembunuhan di Gaza. (Foto hiasan)

Ternyata keberanian Anwar mengambil pendirian ini menaikkan nama Malaysia selain membuka ruang kerjasama dengan negara berpegang teguh prinsip kemanusiaan.

Langkah ini juga berpotensi mempererat hubungan Malaysia dengan negara Islam dan negara menyokong perjuangan Palestin, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam blok diplomatik kuat pada peringkat antarabangsa.

Keberanian pemimpin

Pendirian tegas Anwar menggesa penggantung atau pengusiran Israel daripada PBB menunjukkan keberanian seorang pemimpin tidak gentar mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Dalam dunia politik antarabangsa penuh dengan kepentingan, keberanian beliau mengambil pendirian ini amat dihargai. Kenyataan beliau 'Israel melampaui batas dalam pembantaian genosid terhadap rakyat Palestin' adalah satu langkah menunjukkan integriti dan kesediaan beliau membawa suara Malaysia serta dunia Islam ke hadapan dalam isu Palestin.

Keberanian beliau ini wajar dipuji seluruh rakyat kerana ia menunjukkan kesediaan Malaysia berdiri di atas prinsip benar, walaupun menghadapi pelbagai cabaran di pentas global.

Apatah lagi apabila kenyataan Anwar ini diperjelaskan beliau kepada Ahli Parlimen dan mendapat sokongan penuh mereka pada 4 November lalu dengan berkata 'Kehadiran saya ke Sidang Kemuncak tergepar ini adalah untuk membawa mandat Dewan ini, iaitu mengambil tindakan bagi menghentikan kekejaman berterusan Israel ke atas rakyat Palestin, pencerobohan dan pemusnahan pusat ibadah di Wilayah Palestin Yang Diduduki (OPT) serta serangan terbuka di wilayah di Lubnan dan Iran, termasuk pembunuhan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh dan Yahya Sinwar'.

Dalam ucapan di Parlimen ini, Anwar berkata beliau mengambil langkah melampaui kesanggupan banyak negara dan ramai rakan mengingatkan beliau risiko ini.

Ujar beliau, 'Kalau saudara baca buku terakhir peranan beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, berapa pemerintahan mereka gulingkan kerana pendirian tegas mereka anggap bertentangan dengan sikap dan pendirian mereka ini'.

Keberanian Anwar mengambil risiko ini wajar dipuji semua pihak. Sekiranya tindakan ini berjaya mendapat sokongan antarabangsa, ia membawa impak besar mengubah landskap politik dunia dan memberikan keadilan yang lama tertangguh kepada rakyat Palestin.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH